

**Soalan No: 24**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQUULLAH  
[ KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH : 21.3.2016**

**SOALAN :**

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [ Kubang Kerian ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan kenapa program tahunan Tilawah al-Quran Peringkat Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah telah dibatalkan untuk tahun 2016 ini.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan bahawa kegiatan kerohanian dan kurikulum Pendidikan Islam wajib melibatkan murid-murid Islam. Tujuannya adalah bagi mengukuh kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap pendidikan Islam. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah Majlis Tadarus al-Quran Sekolah-Sekolah, majlis sambutan Hari Kebesaran Islam, Perkhemahan Ibadat, Nadwah Kepimpinan Pelajar Islam, Kem Bestari Solat, Khatam al-Quran Perdana, Festival Nasyid, Kompaung Selawat dan Program Sakhsiah Unggul (SUMUR). Manakala di SMKA pula terdapat aktiviti tambahan iaitu Majlis Ihtifal SMKA. Aktiviti ini juga dijalankan bukan sahaja di peringkat sekolah, tetapi juga peringkat daerah, peringkat negeri dan peringkat kebangsaan.

Justeru, dakwaaan program tahunan Tilawah al-Quran Peringkat Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah telah dibatalkan untuk tahun 2016 adalah kurang tepat. Program ini terus dilaksanakan di peringkat sekolah, daerah dan negeri. Manakala di peringkat kebangsaan KPM telah melakukan pengubahsuaian. Berasaskan kepada prinsip mengoptimakan perbelanjaan dengan peruntukan sedia ada, KPM telah merancang secara kreatif untuk melaksanakan kegiatan kerohanian dan kokurikulum Pendidikan Islam melalui Program Karnival Dakwah Peringkat Kebangsaan pada bulan Mei 2016.

RJM35